

# Lagu rakyat pupus di Malaysia, populer di Barat

Oleh **SALEHUDIN MAT RASAD**

utusannews@mediamulia.com.my

---

**MARAN:** Hampir pupus di tanah air sendiri tetapi populer di Barat.

Demikian nasib cerita dan lagu-lagu rakyat Melayu yang semakin lenyap ditelan zaman berikutan ramai 'sang penglipur lara' sudah tiada untuk memperjuangkan khazanah seni bangsa.

Namun di sebalik kerisauan itu, lagu-lagu dan cerita rakyat Melayu tidak mati di peringkat antarabangsa kerana sebuah universiti di Jerman menjadikan lagu rakyat negara ini sebagai kajian ilmiah budaya orang Melayu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Tokoh Warisan Orang Hidup Kebangsaan, Profesor Datuk Dr. Aripin Said berkata, lagu-lagu rakyat Melayu dikaji oleh Profesor Gisa dari Universiti Hamburg, Jerman selain ia turut dijadikan kandungan kurikulum kepada mahasiswa tahun satu di universiti tersebut.

---

**Bersambung di muka 3**

# Lagu rakyat pupus di Malaysia, popular di Barat

## Dari muka 1

Menurut beliau, rakaman lagu-lagu rakyat berkenaan dibuat dengan kerjasama Jabatan Muzik Universiti Putra Malaysia (UPM).

Beliau berkata, sejak dahulu tidak ramai tokoh dari negara lain yang berusaha memartabatkan lagu dan cerita rakyat.

"Jiwa dan budaya ini mungkin daripada titisan darah susur galur keturunan saya daripada pembesar istana Pahang, Tok Jebek yang memiliki kebolehan tiga serangkai iaitu sebagai pahlawan, ulama dan juga pujangga.

"Bukan untuk membanggakan diri, saya adalah satu-satu

individu yang ketika ini serius mencungkil, mengamal dan mempromosi lagu dan cerita rakyat hingga ke luar negara.

"Justeru, usaha bersepadu diperlukan untuk mendokumentasi mana-mana cerita dan lagu-lagu rakyat di setiap negeri yang terlepas pandang," katanya.

Aripin berkata, antara tokoh lagu rakyat ialah Wan Salmah Sulaiman dari Terengganu dengan lagunya, *Ulik Mayang*, *Jong Jong Inai*, *Ulik Badang*, *Embun Soksek*, *Ya Bani Ya Badang*, *Anak Itik Tok Wi* dan *Watinang Watinang Landak*.

"Tokoh budaya pantun dan aktivis budaya negeri Perlis iaitu

Allahyarham Pak Wan Khazim Wan Din yang meninggal dunia pada 17 Jun tahun lalu.

"Pengkaji lagu rakyat yang lain ialah Dr. Harun Jaapar, Allahyarham Harun Mat Piah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Harun Daud (Universiti Malaysia Kelantan)," katanya.

Katanya, beliau berbangga lagu rakyat hasil kajiannya iaitu *Walinong Sari* dinyanyikan penyanyi nombor satu negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza dan Allahyarham Datin Seri Rafeah Buang dan *Indung-Indung* dinyanyikan Razak Ahmad yang secara kebetulan semuanya dari Pahang.

Jelasnya, lagu rakyat dan

kajiannya berhubung budaya Melayu mendapat perhatian hampir 1,500 orang sarjana dari universiti seluruh dunia dalam mengkaji *ethnomuzichology*.

"Lagu rakyat perlu dukungan semua pihak untuk mengangkat khazanah ini bagi diketengahkan. Lagu rakyat telah pun diangkat sebagai warisan kebangsaan oleh warisan negara.

"Di negara ini, lagu rakyat kini banyak dikaji oleh penuntut universiti daripada UPM, UKM, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) dan Universiti Lim Kok Wing," katanya.